



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 13 MEI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	TAKTIK SELUDUP TAK JADII, LOKAL, HM -18 PRODUK BABI DILABEL MAKANAN IKAN, NEGERI PULAU PINANG, SH -27 LABEL DAGING IKAN, ISI DAGING BABI, DALAM NEGERI, UM -32 SELUDUP DAGING BABI, ISYTIHAR IKAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	KEDAH BIMBANG BAN RUNTUH JEJAS 40,000 PESAWAH, HAKAKAH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8. 9.	DIET BERASASKAN TUMBUHAN BOLEH BANTU PULIHKAN BUMI KITA, BERITA MEDIA CORP -ONLINE MELAKA KEKURANGAN PEKEBUN SAYUR, DALAM NEGERI, UM -30 TIADA ADUAN AYAM, SAYUR MAHAL, DALAM NEGERI, UM -30 ISTIMEWA KELI AIR GUNUNG, LOKAL, HM -20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/5/2022

HARIAN

LOKAL

18

METRO

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof  
am@hmetro.com.my

### Bayan Lepas

Sebuah syarikat pengimport dikompaun RM16,000 kerana menyeludup 20,736 tin produk daging berasaskan babi di Pelabuhan Pangkalan Kertena Butterworth Utara, dekat sini Februari lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, syarikat terbabit didapati baru pertama kali melakukan penyeludupan seumpama itu dengan mengisytiharkannya sebagai produk makanan ikan dari China.

Karanya, produk makanan yang ditiriskan seberat 7,950.24 kilogram dianggarkan bernilai RM326,592 itu dirampas kerana diimport tanpa permit menggunakan maklumat palsu dan mengelirukan.

"Pihak Maqis menjalan-

kan prosedur persampelan dan Jabatan Kimia mengesahkan produk menggunakan label ikan itu adalah produk daging berasaskan babi.

"Ini rampasan terbesar bagi produk hiliran berasaskan babi di negeri ini pada tahun ini," katanya kepada pemberita pada Majlis Penghargaan Media dan Sambutan Aidilfitri di sini, semalam.

Muhammad Ikram berkata, aktiviti import produk babi dari China dilarang kerana negara itu terjejas teruk dengan penularan wabak demam babi Afrika atau African Swine Flu (ASF) dan dikhuatiri menjejaskan industri penternakan babi dan produk hasilan babi di negara ini.

"Antara produk yang berisiko dalam penularan virus

## PRODUK BABI DIISYTIHAR SEBAGAI MAKANAN IKAN

# Taktik seludup tak jadi!



TIMBALAN Ketua Pengarah Maqis Pulau Pinang, Dr. Azhari Sharihan Abu Bakar (tengah) menunjukkan produk daging berasaskan babi yang dirampas di Pelabuhan Pangkalan Kertena Butterworth Utara. Turut hadir Muhammad Ikram (dua dari kiri). - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

ASF ialah babi hidup selain produk makanan seperti babi salai, sosej babi, babi yang ditinkan atau sebagainya.

"Produk sitaan yang telah dilucut hak itu akan dijangka akan dilupuskan dalam masa terdekat kira-kira dua minggu lagi dengan cara menggunakan teknologi insinerator," katanya.

Perbuatan mengimport dengan mengemukakan maklumat palsu dan tidak tepat adalah kesalahan mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahannya.

13/5/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
P. PINANG

27

# Produk babi dilabel makanan ikan

Lebih 20,000 tin produk daging babi dirampas Maqis Pulau Pinang dalam satu pemeriksaan rutin

Oleh **SYAJARATULHUDA  
MOHD ROSLI**

## GEORGE TOWN

**S**ebanyak 20,736 tin produk daging babi yang diisi dalam 864 kotak dan dilabelkan sebagai produk makanan ikan dirampas dalam satu pemeriksaan rutin oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang. Pengarahnya, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, taktik oleh sebuah syarikat pengimport yang berpangkalan di Pulau Pinang itu berjaya dikesan pada Februari lalu.

Menurutnya, semua produk bernilai RM326,592 itu dirampas di Pelabuhan Pangkalan Kontena



Muhammad Ikram (tengah) dan Azhari (dua dari kiri) dalam sidang akhbar mengenai kejayaan Maqis Pulau Pinang merampas produk daging babi pada Khamis.

Butterworth Utara (NBCT) selepas penguatkuasa Maqis mendapati ia bukan daging ikan seperti yang diisytiharkan.

“Pemeriksaan lanjut di Jabatan Kimia mendapati, syarikat pengimport tersebut telah mengimport kira-kira tujuh tan produk dari China itu adalah daging babi, bukannya isi ikan.

“Kita mendapati syarikat itu cuba mengaburi mata pihak ber-

kuasa, namun gagal apabila kita berjaya menghidu kegiatan tersebut.

“Kesemua produk berkenaan disita kerana menggunakan maklumat palsu dan mengelirukan,” katanya ketika ditemui di Majlis Hari Raya Aidilfitri dan Majlis Penghargaan Maqis Pulau Pinang Kepada Media di Ibu Pejabat Maqis Pulau Pinang di Batu Maung, di sini pada

Khamis.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Maqis Pulau Pinang, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar.

Tambah Muhammad Ikram, pihaknya turut mengeluarkan kompaun sebanyak RM16,000 kepada syarikat pengimport mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

“Mengimport dengan mengemukakan maklumat palsu dan tidak tepat adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], jelasnya produk tersebut akan dilupuskan.

Ujar beliau, larangan pengimportan serta membawa masuk produk babi di setiap pintu masuk negara adalah bagi menghalang risiko kemasukan virus African Swine Fever (ASF) ke negara ini.

“Virus berkenaan mampu menjejaskan industri penternakan babi dan produk hasilan babi. Antara produk yang berisiko dalam penularan virus ASF adalah babi hidup serta produk berasaskan babi seperti babi salai, sosej babi, babi yang ditinkan dan sebagainya.

“Oleh itu, memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertamian adalah satu kesalahan serius. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

13/5/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32



**MUHAMMAD IKRAM** Abd. Talib (tengah) dan Azhari Sharidan Abu Bakar (kanan) memeriksa produk daging babi yang disyithar sebagai makanan ikan di ibu pejabat Maqis Pulau Pinang, Batu Maung semalam.

## Label daging ikan, isi daging babi

**GEORGETOWN:** Cuba seludup produk daging babi dengan isyithar sebagai makanan berasaskan ikan.

Taktik sebuah syarikat pengimport berpangkalan di Pulau Pinang itu bagaimanapun gagal mengaburi mata pihak berkuasa selepas berjaya dikesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang.

Kesalahan itu dikesan ketika pemeriksaan rutin agensi berkenaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), dekat sini pada Februari lalu.

Menurut Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd. Talib, sebanyak 20,736 tin produk daging babi itu dimuatkan dalam 864 kotak dan dilabel sebagai produk makanan ikan.

Bagaimanapun ujar beliau, pemeriksaan lanjut di makmal ke atas produk seberat kira-kira tujuh tan yang diimport dari China itu kemudiannya disahkan oleh Jabatan Kimia merupakan produk daging babi.

Sehubungan itu produk bernilai RM326,592 tersebut telah disita kerana dibawa masuk menggunakan maklumat palsu dan mengelirukan.

"Kita turut mengeluarkan kompaun sebanyak RM16,000 kepada syarikat pengimport mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan

Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Produk daging babi yang disita ini pula akan dilucut hak dan dilupuskan sama ada menerusi kaedah tanam atau menggunakan insinerator," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar berhubung kejayaan operasi itu yang diadakan bersama sambutan Hari Raya Aidilfitri dan majlis penghargaan Maqis Pulau Pinang kepada media di ibu pejabat Maqis negeri di Batu Maung, dekat sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Maqis Pulau Pinang, Dr. Azhari Sharidan Abu Bakar.

Menurut Muhammad Ikram, perbuatan mengimport dengan mengemukakan maklumat palsu dan tidak tepat merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Tegasnya, mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali," katanya.

## Seludup daging babi, isytihar ikan

**GEORGE TOWN** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri ini menggagalkan cubaan menyeludup daging babi ke negara ini di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Seberang Perai dekat sini.

Taktik itu terbongkar apabila pegawai Maqis mengesan produk tersebut yang diisytiharkan sebagai ikan semasa melakukan pemeriksaan rutin di lokasi berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarah Maqis, Azhari Sharidan Abu Bakar berkata, pihaknya menyita sebanyak 20,736 tin produk daging babi yang dimasukkan di dalam 864 kotak dengan label produk makanan ikan.

"Pemeriksaan ke atas produk seberat tujuh tan yang diimport dari China oleh pihak makmal mengesahkan ia adalah produk daging babi.

"Sehubungan itu, produk bernilai RM326,592 tersebut disita kerana dibawa masuk menggunakan maklumat palsu dan mengelirukan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

dan Penghargaan Media di Ibu Pejabat Maqis Pulau Pinang di Batu Maung di sini semalam.

Menurut Azhari Sharidan, pihaknya turut mengeluarkan kompaun sebanyak RM16,000 kepada syarikat pengimport terbabit mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Tambah beliau, produk daging babi yang disita akan dilucutkan hak dan dilupuskan sama ada menerusi kaedah tanam atau menggunakan insinerator.

"Larangan pengimportan dan membawa masuk produk babi di pintu masuk negara adalah bagi menghalang risiko kemasukan virus *African Swine Fever* (ASF) ke negara ini yang mampu menjejaskan industri penternakan dan produk hasilan babi.

"Antara produk yang berisiko menular virus ASF adalah babi hidup dan produk berasaskan babi seperti babi salai, sosej babi, babi yang ditinkan dan seumpamanya," katanya.



**AZHARI SHARIDAN** menunjukkan produk daging babi yang dirampas pada sidang akhbar di George Town semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2022	HARAKAH	ONLINE	

## Kedah bimbang ban runtuh jejas 40,000 pesawah



(MADA).

**ALOR SETAR:** Kerajaan Kedah bimbang sekiranya ban runtuh tidak segera dibaiki ia akan memberi kesan kepada 40,000 petani yang mengusahakan sawah di kawasan seluas 13,500 hektar.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, sawah terbabit melibatkan satu pertiga kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

Katanya, runtuhannya ban MADA di Padang Luar, Pelubang Isnin lepas diharap dapat dibaiki segera kerana ia menjejaskan ramai pesawah.

Advertisement

"Kami berharap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberi perhatian segera isu berkenaan.

"Kos lebih besar diperlukan untuk membina semula ban yang lebih kukuh memandangkan sering berkali limpahan air di kawasan terbabit," katanya di Wisma Darul Aman, semalam.

MADA sebelum ini memaklumkan kerja-kerja membina semula ban yang runtuh melibatkan kos sehingga RM1.8 juta.

Sanusi juga berkata, agensi terbabit perlu memberi perhatian terhadap isu berkenaan kerana ia melibatkan *food security* yang boleh menjejaskan penghasilan padi.

"Tambahan pula sekarang musim menanam, air perlu masuk ke petak bendang, sekiranya gagal, kerja-kerja penanaman akan terbantut," ujarnya.

Sementara itu kerja-kerja membelat sungai dilakukan sejak hari kejadian untuk melimpahkan air ke terusan tengah pada paras yang membenarkan untuk membolehkan Loji Rawatan Air (LRA) beroperasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2022	BERITA MEDIA CORP	ONLINE	

## Diet berasaskan tumbuhan boleh bantu pulihkan bumi kita



cabaran, seperti dinukil daripada BH Online.

KUALA LUMPUR: Bayangkan dunia di mana semua orang boleh mendapatkan makanan pada harga yang berpatutan dan berkhasiat, di mana keadaan bumi ini cukup sihat dan terpelihara generasi masa depan.

Itulah senario yang diimpikan. Hakikatnya bagi ramai orang di tempat tertentu, termasuk di Malaysia, akses kepada bekalan makanan boleh menimbulkan

Menurut laporan pengeluaran makanan dunia perlu ditingkatkan lebih daripada 50 peratus untuk membekalkan makanan kepada hampir 10 bilion orang pada 2050.

Satu laporan diterbitkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menunjukkan Malaysia amat bergantung kepada import makanan untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah bagi makanan asas seperti nasi, sayur-sayuran, daging lembu dan susu.

Dalam usaha memastikan penduduk dunia terus dapat menikmati diet yang berkhasiat, sistem makanan antarabangsa dan juga tabiat pemakanan perlu diubah.

Untuk mencapai kelestarian dalam sistem makanan, kita perlu memenuhi permintaan nutrisi semua orang pada masa kini sambil mengurangkan kesan alam sekitar kepada generasi masa depan, lapor BH Online.

Jadi, bagaimana kita boleh membangunkan sebuah sistem makanan antarabangsa yang mampu membekalkan khasiat pemakanan – bukan setakat makanan yang mengisi perut – tetapi sambil memastikan pengeluarannya lestari dari segi alam sekitar?

### PEMAKANAN MAPAN: CARA UNTUK MEMULIHKAN BUMI KITA

Mengulas lanjut, Naib Presiden Latihan Pemakanan, Herbalife Nutrition, Luigi Gratton berkata, hubung kait pemakanan dan kemapanan penting dalam usaha membina masa depan lebih bermakna.

"Sebagai pengguna prihatin, kita perlu memastikan diet bukan sahaja melestarikan kesihatan, tetapi juga kesejahteraan bumi.

"Kita perlu menghasilkan makanan yang baik untuk kesihatan kita dengan cara mesra alam.

"Pemakanan mapan menyediakan rangka kerja berpandangan jauh di mana makanan dimakan

adalah pelbagai, kaya dengan nutrien dan sihat sambil ditanam secara lestari dan tanpa kesan negatif terhadap ekosistem," katanya.

Amalan ini berpandukan beberapa ciri-ciri penting termasuk:

- \* Menikmati diet yang lebih berasaskan tumbuhan, dengan kepadatan nutrien lebih tinggi.
- \* Seboleh-bolehnya memilih daging dan ikan yang diperolehi secara lestari.
- \* Mengurangkan pengambilan makanan dengan kandungan gula dan lemak tepu yang tinggi
- \* Mengurangkan atau mengelakkan pembaziran makanan
- \* Menggunakan kaedah regeneratif dalam pertanian

Beliau berkata, diet antarabangsa semasa kini tidak mapan memandangkan jurang yang wujud dari segi kekayaan, peluang dan pengagihan, lapor BH Online.

Walaupun hampir 17,000 tan sisa makanan dihasilkan setiap hari di Malaysia, laporan mendapati satu dalam lima kanak-kanak Malaysia bawah umur lima mengalami perkembangan terbantut, manakala setengah orang dewasa juga mempunyai berat badan berlebihan atau obes.

"Kita hidup dalam sebuah dunia di mana makanan kaya dengan kalori boleh didapati dengan murah dan mudah, tetapi kekurangan nutrien amat penting bagi pertumbuhan, perkembangan dan kesihatan keseluruhan.

"Protein bermutu tinggi, terutama protein berasaskan tumbuhan seperti soya, quinoa, nasi dan kacang pea boleh membantu menggantikan makanan yang mempunyai sedikit atau tiada nilai pemakanan untuk menampung tiga beban utama malnutrisi, kekurangan nutrisi, kekurangan mikronutrien dan obesiti," katanya.

#### **PROTEIN BERASASKAN TUMBUHAN: PILIHAN ALTERNATIF YANG WAJAR**

Jadi apakah yang dimaksudkan dengan diet yang mapan?

Jelasnya, mengurangkan pengambilan daging dan produk tenusu dikatakan cara berkesan mengurangkan kesan alam sekitar terhadap bumi, menurut satu analisis komprehensif terhadap mudarat yang ditimbulkan oleh penternakan daging terhadap bumi.

Pada hari ini, pengambilan protein berasaskan tumbuhan sudah menjadi kelaziman.

Kebanyakan orang kini faham diet berasaskan tumbuhan tidak semestinya tiada bekalan protein – malah, makanan tumbuhan padat dengan nutrien, yang pada hakikatnya menyediakan kandungan nutrien tinggi berbanding kos kalori.

"Di samping itu, protein berasaskan tumbuhan, berbanding protein haiwan, adalah bebas kolesterol secara semula jadi dan mengandungi kandungan lemak tidak tepu yang rendah," katanya.



Walaupun soya dianggap raja protein berasaskan tumbuhan kerana mengandungi kesemua sembilan asid amino penting yang tidak boleh dihasilkan sendiri oleh badan, jenis protein alternatif seperti kacang pea, quinoa dan nasi juga boleh mencetus rasa kenyang dan membekalkan kandungan protein yang tinggi.

## **MANFAAT PENTING MAKANAN BERASASKAN TUMBUHAN DARI SEGI KEMAPANAN**

Menggantikan protein berasaskan haiwan dengan protein berasaskan tumbuhan seharusnya menjadi sasaran kita pada masa depan, lebih-lebih lagi dengan kebimbangan pengguna tentang kesan yang ditinggalkan mereka terhadap alam sekitar.

Antara manfaat alam sekitar penting dalam makanan berasaskan tumbuhan termasuk:

### **1) Emisi gas rumah hijau lebih rendah**

Sesetengah makanan lebih memudaratkan alam sekitar daripada yang lain.

Sebagai contoh, 100 gram protein daging lembu boleh menghasilkan nilai bersamaan 105 kilogram karbon dioksida. Secara perbandingan, 100 gram kacang pea menghasilkan nilai bersamaan hanya 0.2 kilogram karbon dioksida.

Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Amerika Syarikat, kegiatan menternak untuk hasil daging, telur dan susu menjana 14.5 peratus daripada pengeluaran gas rumah hijau, lebih tinggi daripada semua jenis pengangkutan secara terdapat.

Sektor penternakan di Malaysia meliputi ayam, lembu dan kambing bukan tenusu, yang semuanya menyumbang kepada pengeluaran gas metana.

### **2) Penggunaan air lebih rendah**

Kegiatan penternakan juga menggunakan jumlah air yang besar dan permintaan bagi air bersih juga melebihi bekalan di banyak kawasan pertanian.

Memandangkan tumbuhan seperti kacang pea memerlukan kurang air bersih (50 liter/kilogram) berbanding daging lembu (13,000 liter/kilogram) dalam proses pengeluaran, kelebihan makanan berasaskan tumbuhan bagi alam sekitar sememangnya jelas sekali.

### **3) Penggunaan tanah lebih cekap**

Makanan berasaskan tumbuhan jauh lebih cekap dari segi keluaran yang dihasilkan secara perbandingan dari segi penggunaan tanah.

Pertanian berasaskan tumbuhan menghasilkan 14,000 lebih paun produk berbanding pertanian berasaskan haiwan bagi setiap ekar, menjadikan pertanian berasaskan tumbuhan lebih cekap menggunakan tanah untuk menghasilkan makanan dan bermanfaat bagi bumi.

### **4) Menyahut cabaran**

"Kita kini berada pada takat ambang di mana kesan iklim secara kolektif bergantung kepada setiap keputusan yang kita buat sebagai perniagaan atau sebagai pengguna.

"Sebagai sebuah syarikat nutrisi global yang menerajui industri pemakanan selama lebih daripada 40 tahun, membekalkan produk pemakanan berasaskan sains yang bermutu tinggi dan menjadi sebahagian daripada diet yang seimbang dan sihat, kami sedar peranan yang boleh kami mainkan dari segi kelestarian," katanya.

# Melaka kekurangan pekebun sayur

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**  
utusannews@mediamula.com.my

**MELAKA:** Salah satu faktor bekalan sayur-sayuran berkurangan di negeri ini sejak Jumaat lalu disebabkan kekurangan bekalan daripada pekebun tempatan.

Seorang peniaga di Pasar Awam Bachang di sini, Roslan Hassan, 55, berkata, sejak senario itu berlaku, mereka terpaksa mengambil sayur dari Cameron Highlands dengan perbezaan harga yang ketara mencecah RM3 sekilogram.

Jelasnya, antara sayur yang diambil dari tanah tinggi termasuklah sawi bunga, sawi biasa, kangkung dan bayam.

"Hari ini tak ramai yang nak pegang cangkul, maaf kata memang anak-anak muda kita tidak mahu pekerjaan yang mengotor-kan tangan mereka; termasuklah sebagai pengusaha kebun.

"Kesannya adalah kita kekurangan pembekal daripada pekebun tempatan dan apabila berlaku kekurangan bekalan,



**ROSLAN Hassan (kanan)** menguruskan jual beli pelanggan yang bertandang ke gerai sayur-sayuran di Pasar Awam Bachang, Melaka. - **UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

terpaksalah ambil hasil dari Cameron Highlands," katanya ketika ditemui *Utusan Malay-*

*sia.*

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, harga sayur-sayuran

di negeri ini naik mendadak mencecah 50 peratus termasuk sawi bunga yang terpaksa dijual

RM10 sekilogram selepas bekalan didakwa berkurangan, sejak Jumaat lalu.

Tinjauan di Pasar Awam, Bachang mendapati, rata-rata peniaga mengeluh dengan situasi tersebut kerana terpaksa menjual beberapa jenis sayur dengan kenaikan harga sekitar RM2 hingga RM5 bagi sekilogram.

Dalam pada itu, tambah Roslan, bekalan kacang panjang juga terjejas pada minggu pertama sambutan Hari Raya Aidilfitri, namun telah kembali pulih kelmarin.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, A. Chandran, 46, memberitahu, harga sayur di pasar tersebut sememangnya mengalami kenaikan, namun masih terkawal.

"Bekalan memang kurang, saya pun ambil dari Cameron Highlands, jadi harga naik sikit sebagai contoh kangkung selalunya saya jual sekitar RM2.50 sekilogram, hari ini RM4.

"Pekebun tempatan memang kehabisan bekalan, malah situasi ini berlaku sejak Ramadan lalu lagi," katanya.

## Tiada aduan ayam, sayur mahal

**PERMATANG PAUH:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang belum menerima sebarang aduan berhubung kenaikan harga ayam atau sayur-sayuran di negeri ini.

Pengarahnya, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, pada masa sama bekalan untuk kedua-dua barangan itu juga masih mencukupi.

"Berhubung kenaikan harga minyak masak pula, kita dapati bukan minyak sawit tulen; sebaliknya, hanya melibatkan minyak masak jenis sebatian.

"Kami akan terus menjalankan pemantauan terhadap harga dan bekalan barang-barang kawalan ini dengan dibantu 63 Pegawai Pemantau Harga (PPH) di sini," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis sambutan Rancak Aidilfitri anjuran pejabatnya di kawasan tempat letak kereta Kompleks Sempilai Jaya, dekat di sini semalam.

Dalam pada itu beliau memberitahu, sebanyak 19,666 pemeriksaan telah dijalankan untuk tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Katanya, daripada jumlah itu,



**ORANG** ramai membeli ayam di salah sebuah gerai dalam Program Jualan Keluarga Malaysia di pekarangan Masjid Al-Bukhary, Georgetown, baru-baru ini. - **UTUSAN/IQBAL HAMDAN**

364 kes direkodkan dengan 269 kompaun bernilai RM95,000 dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan yang paling banyak direkodkan ialah harga mahal dan tiada tanda harga di bawah Akta Kawalan

Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu dengan 184 kompaun berjumlah RM55,400.

"Kesalahan lain yang banyak direkodkan juga ialah di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dengan 141 kompaun berjumlah RM37,100," jelasnya.

## Jerteh

Lokasi ladang sawit yang terletak hanya 4.5 kilometer dari kawasan gunung, mencetuskan idea seorang peneroka di Felda Selasih di sini untuk mengusahakan ternakan keli menggunakan air dari tanah tinggi sebagai sumber aliran ke sangkar ikannya.

Mukhtar Ismail, 64, berkata penggunaan air gunung itu ternyata sangat istimewa kerana maklum balas daripada pelanggan mengatakan rasa ikan kelinya lebih pejal dan manis, malah ia tidak berbau hanyir seperti keli yang ditenak di kolam biasa.

Menurut beliau lazimnya, peneroka di Felda menjadikan ladang sawit mereka sebagai lokasi memelihara haiwan seperti lembu dan kambing untuk menjana pendapatan tambahan namun beliau memilih untuk memelihara keli kerana ia mudah dijaga, tahan lasak dan sentiasa mendapat permintaan tinggi.

"Kebetulan juga, ladang sawit saya ini ada alur anak sungai, jadi bermodalkan wang simpanan sebanyak RM5,000 pada 2014, saya mulakan projek mendalamkan lagi alur itu untuk dijadikan sangkar ikan yang dapat menampung air dari Gunung Tebu.

"Air gunung sangat sesuai untuk ikan keli kerana ia lebih bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran. Saluran air ini disediakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kerana ada juga kebun sayur berdekatan yang guna air gunung untuk tanaman," katanya.

Bapa kepada sembilan anak itu memiliki lebih 11,000 ekor keli yang ditenak dalam satu masa dan setiap tahun, Mukhtar mampu menuai keli dewasa sebanyak tiga atau empat kali bergantung kepada faktor bekalan benih keli dan cuaca.

Menurutnya, ikan keli segar dijual pada harga RM7 sekilogram manakala RM8 dikenakan untuk yang ikan siap disiang dan dijual secara borong kepada pengusaha restoran dan kedai makan di sekitar daerah itu dan daripada perusahaannya, beliau mampu meraih pendapatan kira-kira RM3,000 sebulan.

Bagi menjaga kualiti ikan keli yang ditenak, Mukhtar berkata, beliau menggunakan perut ayam atau lembu yang direbus untuk makanan ikan ternakannya dan bukan dedak biasa dijual di pasaran.

"Ini juga antara faktor membezakan kualiti rasanya



MUKHTAR menunjukkan ikan keli berusia lebih sebulan yang ditenaknya di ladang sawit di Felda Selasih. Lokasi ladang sawitnya yang terletak hanya 4.5 kilometer dari gunung memberi kelebihan kepadanya untuk memelihara ikan secara besar-besaran kerana terdapat kemudahan punca air bersih dari gunung itu.

## Istimewa keli air gunung

Rasa ikan pejal, manis, malah tidak berbau hanyir seperti ditenak di kolam biasa



MUKHTAR memasukkan air dari gunung ke dalam kolam ikan keli di ladang sawit miliknya di Felda Selasih.



Air gunung sesuai untuk ikan keli kerana ia lebih bersih dan bebas daripada pencemaran"

Mukhtar

berbanding keli lain, memang agak penat dan leceh kerana proses merebus perut ayam dan lembu per-

lukan masa agak lama, namun semua itu hilang selepas pelanggan beritahu mereka sangat berselera menikmati keli yang dibeli," katanya.

Keunikan sangkar ikan menggunakan sepenuhnya air gunung berkenaan turut menarik perhatian Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri Dr Azman Ibrahim yang melawat ladang itu baru-ba-

ru ini, dan memberi persetujuan awal untuk menyerahkan bantuan sesuai dari semasa ke semasa.

"Terima kasih kepada pelbagai agensi kerajaan yang sentiasa turun padang dan memberi bantuan seperti makanan ikan, ia sedikit sebanyak dapat meringankan kos," katanya yang mengakui sering berhadapan dengan serangan haiwan seperti memerang dan burung hantu termasuk kes kecurian ikan ternakannya.



MUKHTAR menunjukkan ikan keli berusia tiga bulan yang sudah boleh dipasarkan di ladang sawit di Felda Selasih.